

## MDEC Beri Komitmen Penuh Pelan Pemulihan Negara

**CYBERJAYA, 16 JUN 2021:** Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang merupakan agensi utama dalam memacu transformasi ekonomi digital negara komited bersama kerajaan untuk menjayakan Pelan Pemulihan Negara: Peralihan Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam.

MDEC menyatakan fokus tidak berbelah bagi untuk mempercepat transformasi digital negara dan memperkuat program-program dilaksanakan yang memainkan peranan penting terhadap strategi untuk negara keluar dari krisis COVID-19. Penerapan kepada pendigitalan akan melengkapkan rakyat dan perniagaan untuk navigasi dalam norma baharu sekaligus membolehkan kelestarian dan pertumbuhan untuk jangka masa panjang. Ketika ini, pendigitalan menjadi keperluan penting dan mustahak.

Bagi mencapai matlamat ini, MDEC akan memberi tumpuan kepada empat teras utama iaitu kemahiran baharu, penerimgunaan, penganggu dan pelaburan (*New Skills, Adaption, Disruptors, Investments*). Ini membentuk asas kepada kempen digital jenama N.A.D.I. oleh MDEC sejajar dengan usaha agensi ini untuk merealisasikan Malaysia 5.0 iaitu mewujudkan negara yang sangat terintegrasi dengan teknologi, memberikan peluang digital yang adil kepada rakyat dan perniagaan.

MDEC baru-baru ini melancarkan inisiatif *MyDigitalWorkForce Work In Tech (MYWiT)*, yang merupakan program insentif membabitkan latihan dan pengambilan yang bertujuan untuk meningkatkan sektor perkhidmatan perniagaan digital serta mengembangkan bakat teknologi yang berkualiti di Malaysia. Latihan dan insentif gaji dengan jumlah keseluruhan bernilai RM100 juta ditawarkan untuk mengekalkan dan meningkatkan keupayaan tenaga kerja bidang teknologi di negara ini.

Dalam usaha memacu pertumbuhan pasaran e-Dagang negara di ASEAN, Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru telah memperkenalkan Pelan Halatuju Strategik e-Dagang 2.0 (NESR 2.0) susulan kejayaan NESR 1.0. MDEC diberi kepercayaan untuk memimpin Pejabat Pengurusan Projek NESR 2.0 dengan mandat untuk mengawasi keberhasilan pelaksanaan. Nilai barangan kasar (GMV) dijangka meningkat kepada AS \$ 30 bilion menjelang 2025.

Edisi 2021 Bulan Teknologi Malaysia (MTM) mengikut jadual akan dilancarkan pada Ogos ini. Acara berprestij selama sebulan ini membabitkan pengisian seperti ucap-tama digital, program teknologi, bengkel dan panel perbincangan untuk menetapkan perancangan ekonomi digital negara supaya terus berkembang pesat. Platform ini akan membolehkan Malaysia mempamerkan inovasi dan potensi bertaraf dunia yang dimilikinya kepada pasaran global.

Malaysia kekal sebagai salah satu destinasi pelaburan utama di rantau apabila menerima pelaburan langsung asing (FDI) bernilai RM81.9 bilion membabitkan segmen berkualiti tinggi seperti sektor teknologi, inovasi, teknologi hijau dan teknologi kewangan. Perkembangan ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi tenaga kerja mahir tempatan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang digariskan kerajaan.

MDEC juga bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi mempermudah usaha pelaburan berkaitan dengan sektor digital dengan menubuhkan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang merupakan platform kerjasama digital sepenuhnya untuk menyelaraskan semua pelaburan digital. Objektif ini untuk memberi kesedaran mengenai pelaburan digital di negara serta mengukuhkan koordinasi semua Agensi Promosi Pelaburan (IPA) dalam mempromosikan dan menarik pelaburan baharu membabitkan segmen yang berkembang pesat ini.

#TAMAT#

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara selama 25 tahun. Agenda MDEC adalah Malaysia 5.0, mewujudkan negara yang sangat terintegrasi dengan teknologi, memberikan peluang digital yang adil kepada rakyat dan perniagaan

Untuk mencapainya, MDEC akan memberi tumpuan kepada NADI Digital yang merangkumi empat teras utama iaitu Kemahiran Baharu, Penerimgunaan, Pengganggu dan Pelaburan (( *New Skills, Adoption, Disruptors* dan *Investment*). Ini menjadi asas kempen jenama MDEC yang menyeluruh yang akan mendorong program teras untuk rakyat, perniagaan dan pelabur. Objektif MDEC adalah untuk Malaysia menjadi sebuah negara digital yang berdaya saing di dunia, berdasarkan inklusif, kelestarian dan kemakmuran bersama serta dengan tegas menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

# Malaysia5.0 #NadiDigital #SayaDigital #MHODA #MyMDEC

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif Ekonomi Digital MDEC, sila layari [www.mdec.my](http://www.mdec.my) atau ikuti kami di: Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/> Twitter: @mymdec

Untuk pertanyaan media, hubungi:

Dashika Gnaneswaran - [dashika.gnaneswaran@mdec.com.my](mailto:dashika.gnaneswaran@mdec.com.my)

Simon Yap - [simon.yap@mdec.com.my](mailto:simon.yap@mdec.com.my)